

# → EKSKLUSIF

## BURUH ASING KAHWINI WARGA TEMPATAN

# Tiada halangan nikahi wanita tempatan: Mufti

BH  
8/5/17  
m15-16



Contoh dokumen yang perlu dilengkapkan warga asing untuk perkahwinan dengan rakyat tempatan.

→ Imigresen dakwa ada jabatan agama tak ikut peraturan

Oleh Osman Lisut, Wan Noor Hayati Wan Alias, Illah Hafiz Aziz dan Nur Izzat Mohamad bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

batalan dan dikehendaki pulang ke negara asal. Mereka hanya boleh berkahwin dengan memasuki semula negara ini menggunakan pas lawatan sosial selepas enam bulan kemudian.

### Guna syarat sama

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Datuk Haris Kassim mengakui pihaknya menggunakan pakai syarat perkahwinan antara pekerja asing dengan warga negara ini sama seperti yang ditetapkan untuk rakyat tempatan.

“Warga asing yang mahu berkahwin dengan rakyat tempatan perlu melengkapkan dokumen asas seperti visa, pas dan surat

**BH PLUS**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

# PERADUAN #GURUKUSEKOLAHKU

GURU PEMBINA NEGARA BANGSA

RAKAM & MUAT NAIK INSTA FOTO / VIDEO YANG MENUNJUKKAN  
PENGHARGAAN TERHADAP CIKGU ANDA  
SECARA KREATIF BERSERTA DENGAN HASHTAG

## #GURUKUSEKOLAHKU

PELUANG UNTUK MEMENANGI HADIAH UTAMA APPLE IPOD TOUCH  
SERTA PELBAGAI LAGI HADIAH MENARIK BERSAMA CIKGU ANDA!

\*Tertakluk kepada terma & syarat

TEMPOH PERADUAN : 30 APRIL-19 MEI 2017

### CARA PENYERTAAN:

**1** RAKAM & MUAT NAIK  
foto/video bersama cikgu  
kegemaran anda serta huraikan  
secara kreatif cikgu sekolah anda  
sebagai sumber inspirasi anda.

**2** TAG penyertaan ke  
@hotfm976, @flyfm958, @onefm881,  
@koofmmy, @utusanonline  
& hashtag #gurukusekolahku  
(pastikan akaun anda tidak private)

**3** MENANG!  
Setiap penyertaan yang berjaya  
bakal memenangi pelbagai  
hadiah menarik

geri tidak mematuhi.

Sekurang-kurangnya dua jabatan agama Islam negeri tidak mengikut peraturan berkenaan, iaitu Selangor dan Pahang.

Ini memudahkan mereka mengahwini rakyat tempatan, khususnya wanita tanpa menyedari implikasi undang-undang dan sosial menanti mereka.

### Pelbagai masalah timbul

Antaranya adalah perceraian, mufis akibat pinjaman tidak berbayar dan paling membimbangkan, anak yang dilahirkan pasangan terbabit ditakrif sebagai anak tidak sah taraf selepas permit berkerja dibatalkan.

Mengikut Akta Imigresen 1956/63, buruh asing yang memegang permit Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) tidak dibenarkan berkahwin dengan rakyat tempatan.

Jika gagal mematuhi undang-undang itu, permit kerja akan di-

akuan memeluk agama Islam terlebih dahulu supaya perkahwinan boleh didaftar di negara ini.

"Syarat nikah tidak menyebut mengenai warga negara, malah tiada halangan jika mereka mematuhi syarat perkahwinan dan dokumen disahkan pihak berkecayaan. Warga asing juga tidak diwajibkan menghadiri atau memiliki sijil praperkahwinan," katanya kepada BH.

Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman, berkata tiada halangan untuk mana-mana individu yang mahu berkahwin bagi mengelakkan maksiat dan ia sah jika menepati syarak.

"Biasanya, pihak berkuasa agama meminta pasangan menyelesaikan isu dokumentasi selepas pernikahan dijalankan. Kegagalan berbuat demikian akan memberi kesan kepada taraf anak serta kerakyatan mereka di negara ini," katanya.



Syarat nikah tidak menyebut mengenai warga negara, malah tiada halangan jika mereka mematuhi syarat perkahwinan dan dokumen disahkan pihak berkecayaan. Warga asing juga tidak diwajibkan menghadiri atau memiliki sijil praperkahwinan"

**Haris Kassim,**  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor




# → EKSKLUSIF

## MODUS OPERANDI BURUH ASING KAHWIN WANITA TEMPATAN

# Wanita tempatan diperguna

BH  
8/5/17  
ms17



→ Buruh asing cari peluang terus tinggal di Malaysia

niagaan kami. Suami saya meminta saya menjadi penjamin perniagaannya selepas bernikah. "Selepas beberapa tahun berniaga, kami berjaya membuka dua cawangan. Bagaimanapun, semua keuntungan tidak dikongsi bersama," katanya yang mengakui tidak

**B**uruh asing yang datang berkerja di negara ini kini dikesan semakin terdesak mencari wanita tempatan untuk dikahwini sebagai langkah survival untuk terus tinggal di Malaysia.

Dengan menikahi wanita tempatan, mereka beranggapan akan layak menikmati segala kemudahan yang disediakan untuk rakyat Malaysia termasuk mendapat peluang menjalankan perniagaan.

Situasi inilah yang mendorong mereka mencari mangsa untuk membuat pinjaman peribadi dan lesen perniagaan supaya mereka dapat meneruskan kehidupan di negara ini.

BH menemubual beberapa wanita yang mendakwa diperdaya, dipergunakan dan ditindas selain terpaksa menanggung hutang ratusan ribu ringgit selepas berkahwin dengan lelaki warga Bangladesh, Arab dan Pakistan, malah lebih malang status anak yang dilahirkan adalah bukan warganegara kerana dokumen bapa yang tidak lengkap.

**Kes pertama**

Zarina Ismail, 47, tampil berkongsi pengalaman menanggung hutang RM200,000 bagi menampung perniagaan dan kehidupan sepanjang empat tahun perkahwinannya dengan buruh warga Bangladesh.

Beliau berkata, selepas status kad kredit beliau mencapai had maksimum, suaminya kini mempergunakan wanita tempatan lain pula dengan taktik sama.

Katanya, selepas berkahwin, beliau dipaksa membuat pinjaman peribadi daripada Amanah Ikhtiar Malaysia dengan alasan untuk membuka perniagaan pakaian.

"Kerana termakan pujukan, saya meninggalkan dua anak hasil perkahwinan pertama di kampung untuk memberi fokus kepada per-

Zarina berkata, sebaliknya keuntungan itu digunakan suaminya untuk membantu rakan senegara masuk ke negara ini dengan cara tidak sah.

**Kes kedua**

Seorang penjawat awam mendakwa terpaksa menanggung hutang RM100,000 selepas buruh warga Arab yang dikahwininya meninggalkannya sejourus wang diserahkan.

Wanita berusia 35 tahun itu berkata, suaminya mendakwa ingin membuka perniagaan dengan wang berkenaan namun bertindas keluar dari negara ini secara senyap.

"Saya ada membuat laporan polis selepas kejadian itu dan hasil maklumat awam mendapati suami saya pernah kembali ke negara ini dan menggunakan taktik sama terhadap wanita tempatan lain.

"Sasaran suami saya adalah penjawat awam yang mudah membuat pinjaman kewangan atau wanita dari golongan kenamaan," katanya.

**Kes ketiga**

Seorang wanita sanggup berhenti kerja sebagai wartawan di sebuah syarikat swasta semata-mata untuk membantu perniagaan suaminya, warga Pakistan, selepas memasuki negara ini sebagai pekerja asing.

Bagaimanapun, wanita berusia 36 tahun itu menanggung kerugian termasuk gagal melunaskan pinjaman peribadi ratusan ribu ringgit apabila perniagaan suaminya ditutup kurang setahun.

Lebih malang, kedua-dua anak hasil perkahwinannya tidak memiliki status warga negara kerana pasport suaminya sudah tamat tempoh, sejak dua tahun lalu.

"Suami saya berusaha untuk memperbaharui pasport menerusi beberapa pihak berkuasa yang ditemuinya namun tidak berhasil. Duit beribu ringgit sudah habis begitu sahaja dan janji tinggal janji," katanya.



Saya ada membuat laporan polis selepas kejadian itu dan hasil maklumat awam mendapati suami saya pernah kembali ke negara ini dan menggunakan taktik sama terhadap wanita tempatan lain"

**Penjawat awam**



Keuntungan perniagaan digunakan suami untuk membantu rakan senegara masuk ke negara ini dengan cara tidak sah"

**Peniaga**

**STATISTIK KES PERCERAIAN WARGANEGARA MALAYSIA DENGAN WARGA ASING BAGI TAHUN 2014-2016**

NEGERI	2014	2015	2016	2017
Johor	148	127	102	377
Kedah	51	69	85	205
Kelantan	92	86	74	252
Melaka	39	35	43	117
N. Sembilan	52	53	62	167
Pahang	66	67	58	191
Perak	34	54	53	141
Perlis	19	22	16	57
P. Pinang	48	58	61	167
Sabah	361	358	348	1,067
Sarawak	16	29	36	81
Selangor	275	319	340	934
Terengganu	61	55	45	161
Kuala Lumpur	186	209	191	586
<b>Jumlah</b>	<b>1,448</b>	<b>1,541</b>	<b>1,514</b>	<b>4,503</b>

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

GRAFIK BH

**4,503 kes cerai dalam tiga tahun**

**Kuala Lumpur:** Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia merekodkan 4,503 kes perceraian atau pembubaran perkahwinan memabatkan rakyat tempatan dengan warga asing bagi tahun 2014, 2015 dan 2016.

Daripada jumlah itu, Sabah menyumbang rekod perceraian tertinggi iaitu 1,067 kes diikuti Se-

langor (934) dan Wilayah Persekutuan, 586 kes.

Jurucakap jabatan itu berkata, statistik berkenaan adalah yang direkodkan daripada individu warga asing yang memegang pasport sahaja.

Statistik jabatan itu juga menunjukkan 1,514 kes perceraian direkodkan pada 2016, manakala

1,541 kes pada 2015 dan 1,448 kes pada 2014.

Sabah dilihat mendominasi kes perceraian berkenaan untuk tiga tahun berturut-turut iaitu 361 kes pada 2014, 358 (2015) dan 348 (2016). Ini diikuti dengan Selangor yang merekodkan 275 kes (2014), 319 (2015) dan 340 kes tahun lalu.